



Ketua Menteri, **Datuk Seri Musa Aman** memetik kubis sebagai gimik pelancaran Pesta Kubis di Ranau pada 27 November 2004.

Memperkasa pertanian

B/A 20/7/12
MS 12.

» Projek agro berimpak tinggi diperbanyak, jana ekonomi

Oleh **Suzianah Jiffar**

suzianah@bharian.com.my

Pelbagai program berasaskan pertanian dilaksanakan di Sabah, seiring hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan sektor berkenaan berkembang sebagai antara penyumbang utama ekonomi negeri.

Ini ditambah dengan kedudukan sektor pertanian sebagai salah satu antara tiga sektor teras Hala Tuju Pembangunan dan Kemajuan Negeri pimpinan Datuk Seri Musa Aman selaku Ketua Menteri, selain pembuatan dan pelancongan.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah sebagai peneraju sektor pertanian di negeri ini, terbabit memastikan projek berimpak tinggi yang dikenal pasti menerusi projek permulaan (EPP) dilaksanakan oleh sektor swasta dan syarikat

berkaitan kerajaan (GLC).

Antara usaha digerakkan ialah mewujudkan jelang padi dengan 30,000 hektar tanah di Sabah dikenal pasti untuk tujuan itu secara berperingkat.

Tahun lalu, seluas 40,353 hektar tanah di Sabah ditanam padi dengan hasil purata 83,000 tan padi iaitu 30 peratus tahap sara diri beras di negeri ini.

Selain itu, tiga pusat pengeluaran benih padi diwujudkan bagi menampung permintaan benih padi berkualiti dan mencukupi.

Bagi tanaman komoditi, Sabah adalah penanam dan pengeluar terbesar kelapa sawit dengan eksport minyak sawit mentah (CPO) mencecah 1.22 juta tan pada nilai RM3.85 bilion tahun lalu.

Potensi sektor pertanian di negeri ini terus diakui apabila beberapa produk pertanian seperti teh Sabah, kopi Tenom, limau bali Tenom, sayur tanah tinggi Kundasang dan salak Sandakan mendapat pengiktirafan



Musa merasmikan Sabah Bio Tech Blueprint bagi meningkatkan ekonomi dan taraf rakyat negeri ini.

produk berkualiti dengan memperoleh Sijil Akreditasi Ladang Malaysia (SALM).

Komoditi perikanan juga mempunyai potensi besar khususnya ikan hidup, dengan pasaran antarabangsa membabitkan China dan Hong Kong dianggarkan bernilai RM35 juta, tahun depan.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan negeri menetapkan tiga sasaran utama iaitu:

- Meningkatkan sumbangan sektor pertanian terhadap Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM28.9 bilion bagi mencapai RM49.10 bilion;
- Mewujudkan 74,600 peluang pekerjaan; dan

- Meningkatkan pendapatan petani antara dua hingga empat kali ganda berbanding pendapatan semasa menjelang 2020.

Pendekatan dilaksanakan

berhasil apabila pada 2010, hasil eksport menerusi pertanian, penternakan dan perikanan mencecah RM17.92 bilion iaitu 41 peratus jumlah eksport negeri, kedua terbesar selepas minyak.

Berdasarkan kajian Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) Jabatan Perdana Menteri, program pengkulturan rumpai laut dan penternakan ikan dalam sangkar di Sabah boleh mendatangkan pulangan RM2.8 bilion kepada negara, dengan menyediakan 22,800 peluang pekerjaan menjelang 2020.

Sesuai dengan kesuburan buminya, sektor pertanian Sabah berpotensi besar untuk terus diterokai bagi membolehkannya kekal sebagai antara pemangkin pertumbuhan ekonomi Negeri di Bawah Bayu.